

(Signature)

**PENERBITAN DOKUMENTARI TELEVISYEN –
KAJIAN KES TERHADAP SIRI SALAM NUSANTARA
DI TV1**

**ABU HASSAN BIN MORAD
AGA 97005**

**JABATAN PENGAJIAN MEDIA
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
SESI 2000/2001**



**PENERBITAN DOKUMENTARI TELEVISYEN – KAJIAN
KES TERHADAP SIRI SALAM NUSANTARA DI TV1**

**PENERBITAN DOKUMENTARI TELEVISYEN – KAJIAN
KES TERHADAP SIRI SALAM NUSANTARA DI TV1**

**DISEDIAKAN OLEH
ABU HASSAN BIN MORAD
AGA 97005**

**KAJIAN PENYELIDIKANINI ADALAH UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT IJAZAH SARJANA
SASTERA DAN SAINS SOSIAL**

**JABATAN PENGAJIAN MEDIA
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
SESI 2000/2001**

PENGESAHAN

Dengan ini diperakukan bahawa Abu Hassan bin Morad telah menyempurnakan Projek Penyelidikan untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Sastera dan Sains Sosial di Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.

.....
Dr. Azizah Haji Hamzah
Ketua Jabatan Pengajian Media
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Tarikh :
Catatan :

.....
Prof. Madya Dr. Md Sidin Ahmad Ishak
Penyelia Projek Penyelidikan

Tarikh:
Catatan

PENGAKUAN

Adalah saya **Abu Hassan bin Morad** mengaku bahawa kajian ini adalah asli, hasil penyelidikan dan penelitian saya berkaitan dengan tajuk berkenaan serta petikan-petikan yang setiap satunya telah dijelaskan sumber-sumbernya.

.....
Nama : Abu Hassan bin Morad
Alamat : 163 A, Jalan Aminuddin Bakri
Taman Tun Dr. Ismail
60000 Kuala Lumpur

Tarikh :

ABSTRAK

Penerbitan dokumentari televisyen di negara kita sedang berkembang dengan pesat terutama kerana adanya permintaan daripada stesen-stesen tv tempatan yang disyaratkan supaya menyiaran hasil-hasil penerbitan syarikat produksi tempatan. Kajian ini bertujuan untuk memahami proses pengeluaran sesuatu rancangan televisyen yang berbentuk dokumentari. Kajian ini berfokus pada siri Salam Nusantara iaitu rancangan berbentuk dokumentari yang meninjau mengenai perkembangan masyarakat Islam di negara-negara Asia Tenggara. Kaedah kajian ini adalah melalui kaedah penyertaan, temubual dan analisa kandungan. Penyertaan penyelidik sebagai krew penggambaran memantapkan lagi penyelidikan mengenai penerbitan dokumentari televisyen Salam Nusantara. Kajian ini menumpukan kepada amalan penerbitan Salam Nusantara di dalam pengurusan dan perhubungan, editorial, produksi dan pos produksi serta pemasaran. Hasil kajian ini mendapati kejayaan amalan penerbitan banyak bergantung kepada kerja berpasukan yang diamalkan oleh syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. Proses penerbitan dokumentari Salam Nusantara bermula daripada kerja-kerja penyelidikan bagi menyediakan kertas proposal, mendapatkan kelulusan, membina jalan cerita, melakukan penggambaran di lokasi, proses pos produksi di studio dan pemasaran susulan selepas siaran di TV 1. Kesimpulannya kajian ini membuktikan pengurusan penerbitan yang baik membolehkan syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. terus diberi kepercayaan oleh RTM untuk menerbitkan siri dokumentari Salam Nusantara dengan mengadakan penggambaran di negara Kemboja, Thailand, Singapura, Indonesia, Brunei Darussalam dan Myanmar.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana saya dapat menyempurnakan penulisan ini walaupun terikat dengan pelbagai tugas harian lain.

Saya berterima kasih kepada Dr. Azizah Hj. Hamzah yang telah banyak memberi dorongan dan semangat untuk membolehkan saya meneruskan penyelidikan dan kajian tajuk berkenaan. Kepada Dr. Md Sidin, kalungan penghargaan di atas buah fikiran, pandangan dan teguran yang sangat berharga kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan penyelidikan ini.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada kawan rakan terutama Staf Galeri Ilmu Sdn. Bhd., kakitangan Jabatan Pengajian Media, Pengarah dan Penerbit siri Salam Nusantara keluaran Anugerah Media Network Sdn. Bhd. , Encik Yusuf Rashid, pengawal TV 1 RTM, Cik Kalsom Md. Yatim, bahagian bekalan dan rancangan swasta RTM serta kakitangan syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. yang banyak membantu bagi menyempurnakan penyelidikan dan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada isteri dan anak-anak yang memahami tugas harian saya dan sentiasa memberi dorongan kepada saya sepanjang karier saya di dalam bidang penerbitan media ini. Sesungguhnya perjuangan baru bermula dan masih banyak yang perlu dilakukan untuk

menjadikan bidang media suatu alat untuk mendidik masyarakat kearah kehidupan yang berjaya dan bertamadun.

Penyelidikan ini merupakan satu usaha mendokumentasikan proses kerja sebuah produksi yang melibatkan pelbagai pihak di luar negara. Mudah-mudahan kajian ini membantu kita memahami tugas dan proses kerja dalam penerbitan rancangan dokumentari Salam Nusantara.

Sesungguhnya apa yang dihasilkan ini diharap dinilai oleh Allah sebagai alam ibadah dan mendapat keberkatan di akhirat kelak.

Abu Hassan Morad
163 A, Jalan Aminuddin Baki
Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur

KANDUNGAN

Halaman Tajuk	iii
Halaman Pengesahan	iv
Halaman Pengakuan	v
Abstrak	vi
Penghargaan	vii
Kandungan	ix

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Objektif Penyelidikan	6
1.2 Penyelidikan Sebelum ini	7
1.3 Masalah Penyelidikan	12
1.4 Skop dan Bidang Penyelidikan	14
1.4.1 Amalan Pengurusan dan Perhubungan	14
1.4.2 Amalan Editorial	14
1.4.3 Amalan Produksi dan Pos Produksi	15
1.4.4 Amalan Pemasaran	16

1.5 Kaedah Penyelidikan	16
1.5.1 Kaedah Penyertaan	17
1.5.2 Kaedah Temubual	17
1.5.3 Kaedah Analisis Kandungan	20
1.6 Susunan Penulisan	21

BAB KEDUA

PERKEMBANGAN PENERBITAN DOKUMENTARI

2.0 Pengertian Dokumentari	23
2.1 Sejarah Awal Penerbitan Dokumentari	25
2.2 Penerbitan Rancangan Dokumentari	
Di Malaysia	
2.2.1 Pengenalan	36
2.2.2 Televisyen Malaysia	38
2.2.4 Filem Negara Malaysia	40

BAB TIGA

SYARIKAT ANUGERAH MEDIA NETWORK

DAN SALAM NUSANTARA TV 1

3.0 Anugerah Media Network Sdn. Bhd.	52
3.2 Dokumentari Salam Nusantara	56

3.2.1 Objektif	57
3.2.2 Sinopsis	58
3.2.3 Rangka skrip	59

BAB EMPAT

AMALAN PENERBITAN DOKUMENTARI

SALAM NUSANTARA

4.0 Pengenalan	64
4.1 Pengurusan dan Perhubungan	
4.1.1 Menyediakan Kertas Proposal	66
4.1.2 Mendapatkan Surat Niat, Surat	
tawaran dan Surat Pesanan	68
4.1.3 Menguruskan Belanjawan Produksi	70
4.1.4 Mendapatkan Kebenaran menjalankan	
Produksi	72
4.2 Editorial	
4.2.1 Membuat Penyelidikan Awal	74
4.2.2 Membina Kerangka atau Jalan Cerita	75
4.2.3 Mengumpul Bahan	75
4.2.4 Penulisan Skrip	76
4.3 Produksi dan Pos Produksi	
4.3.1 Membuat Recce	78

4.3.2 Penyediaan Peralatan	80
4.3.3 Menentukan Krew Penggambaran	80
4.3.4 Menyediakan jadual Penggambaran	83
4.3.5 Membuat Penggambaran	84
4.3.6 Pos Produksi	89
4.4 Amalan Pemasaran	
4.4.1 Perkhidmatan Susulan	94
4.4.2 Mendapatkan Penajaan Produksi	96
4.4.3 Mendapatkan Penajaan Hadiah Kuiz	97
4.4.4 Pemasaran Susulan Selepas Siaran	98
BAB LIMA	
RUMUSAN	
5.0 Pengenalan	100
5.1 Kekuatan	
5.1.1 Amalan Pengurusan dan Perhubungan	100
5.1.2 Amalan Editorial	103
5.1.3 Amalan Produksi	104
5.1.4 Amalan Pemasaran	105
5.2 Kelemahan	
5.2.1 Amalan Pengurusan dan Perhubungan	107
5.2.2 Amalan Editorial	108

5.2.3 Amalan Produksi dan Pos Produksi	109
5.3 Saranan	111
5.4 Kesimpulan	114
BIBLIOGRAFI	116
LAMPIRAN	118

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Siri-siri dokumentari televisyen sejak dahulu lagi menjadi pemangkin kepada usaha-usaha mendidik masyarakat terutama dalam membetulkan persepsi masyarakat terhadap sesuatu perkara. Contohnya dokumentari mengenai keharmonian hidup di negara ini dapat membantu negara meyakinkan pelabur daripada luar negara untuk datang melabur di negara ini. Antara filem dokumentari terawal mengenai negara kita ialah *Malayan Motor Roads* pada tahun 1920, *Memories of Malacca* pada 1921 dan *Malay Nights* pada tahun 1931(Naim Ahmad, 1995; hlm. 4).

Sebenarnya di sebalik dokumentari yang menarik dan memberi maklumat kepada penonton, apakah yang berlaku di belakang tabir pembikinan sesebuah dokumentari? Berbeza dengan rancangan lain, pembikinan siri dokumentari mempunyai banyak implikasinya. *Robert Flaherty* seorang warganegara Amerika perlu mengembara ke Kanada untuk menghasilkan dokumentarinya yang bertajuk *Nonook of The North* pada tahun 1922. Ia

mengisahkan kehidupan orang-orang Eskimo yang hidup berpindah randah(Paul Rotha, 1935; hlm. 4).

Bagi Stefan Jarl, seorang penerbit filem dokumentari yang berasal dari Sweden pula sesebuah dokumentari yang baik dan berjaya adalah hasil kerja berpasukan krew produksi di belakang kamera. Subjek yang dipilih mungkin menarik tetapi jika pasukan kerja tidak dapat bekerjasama maka hasilnya belum tentu menepati kehendak penerbit (Micheal Tobias,1997: hlm.151).

Sesebuah dokumentari dinilai bukan saja pada maklumat yang tepat mengenai subjek yang difokuskan tetapi apa yang lebih penting apabila ia ditayangkan di layar televisyen nanti, apakah ia menepati objektif yang hendak dicapai? Dengan erti kata yang lain tanggungjawab menghasilkan sesebuah dokumentari adalah besar dan tidak boleh dipandang ringan.

Seorang penerbit bukan sahaja berhadapan dengan cabaran yang berat untuk memastikan semua sudut diberi perhatian yang sama penting semasa membuat penyelidikan dan *recce* tetapi juga mesti memastikan visual yang dipilih terbit apabila dokumentari itu selesai dan ditayangkan di kaca televisyen nanti. Bahkan bagi *Ian Mutsu*, seorang pengarah di *International Motion Picture Company Tokyo*, seseorang penerbit yang

berjaya bukan saja boleh menghasilkan karya seni yang bermutu tinggi tetapi hasil produksinya mesti mampu pula memahami pasaran dokumentari tempatan dan antarabangsa (Micheal Tobias,1997: hlm.28).

Ada kalanya bagi menghasilkan sesebuah dokumentari yang baik, terdapat insiden yang perlu dilakon semula untuk memberi gambaran yang lebih tepat mengenai peristiwa sebenar subjek yang dipilih. Namun begitu kandungan sesebuah dokumentari yang dilakon semula berbeza dengan siri-siri drama televisyen kerana lakonan di dalam dokumentari dipilih daripada bahagian-bahagian *treatment* tertentu supaya ia kelihatan lebih realistik

Sesebuah dokumentari mestilah berdasarkan subjek yang dipilih dan bukan pandangan peribadi penulis atau pengarah dokumentari berkenaan. Ia merupakan gabungan elemen luaran, dalaman, persekitaran, masa lalu, masa depan, kecelaruan fikiran, kebolehan memecah kebuntuan dan segala aspek ketramplinan fizikal terhadap subjek yang dipilih di dalam dokumentari berkenaan.

Namun begitu bagi *Mitchell W. Block* dalam artikel *Documentary Production and Distribution Beyond the Year 2000* berpendapat dalam hal tertentu penghasilan sesebuah karya dokumentari banyak bergantung kepada keperluan stesyen televisyen sesebuah negara. Sesetengahnya agak

cerewet dan memerlukan kos yang tinggi untuk menghasilkan sesebuah dokumentari. Ada pula yang meletakkan budget yang rendah dan meminta penerbit bekerja mengikut peruntukan kewangan yang disediakan.

Ini kerana sesetengah stesyen televisyen meletakkan *standardnya* tersendiri untuk kerja-kerja produksi setiap rancangan yang mereka siarkan. Oleh itu penerbit perlu mengikut garis panduan berkenaan walaupun terpaksa berada di dalam keadaan dilema antara kreativiti dan arahan yang perlu dipatuhi.

RTM mengenakan syarat-syarat tertentu kepada penerbit swasta yang dilantik bagi menerbitkan rancangan TV untuk siaran RTM. Antara syarat-syaratnya ialah setiap rancangan mestilah berkualiti dari segi persembahan dan penerbitan. Ia hendaklah mempunyai nilai komersil, menarik dan menghiburkan disamping bermaklumat serta dapat memberi panduan dan pengajaran kepada penonton sasaran. (Lampiran 6)

Menteri Penerangan Malaysia Tan Sri Khalil Yaacob ketika berucapkan pada sambutan ulangtahun RTM ke 55, mengumumkan bahawa Kementeriannya telah mengarahkan semua stesen TV menambah slot program tempatan dan mengurangkan program import. (Utusan Malaysia,

18/1/2001)

Dasar ini selaras dengan hasrat kerajaan dalam menjana nilai-nilai setempat kepada masyarakat bagi menangkis elemen yang bercanggah dengan nilai-nilai budaya tempatan. Arahan itu juga dilihat sebagai satu cabaran kepada stesen TV tempatan untuk menghasilkan program yang bukan saja menarik tetapi mampu mencerminkan pemikiran masyarakat setempat.

Semasa merasmikan pelancaran siri Salam Nusantara musim ke 2 pada 18 Januari 2000, Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus menyarankan supaya penerbit-penerbit lebih kreatif dan sentiasa mengutamakan mutu penerbitan apabila diberi kepercayaan menghasilkan sesebuah rancangan. Beliau berpendapat rancangan dokumentari adalah antara program yang boleh memberi maklumat dan ilmu pengetahuan kepada masyarakat.

Seruan ini sesuai dengan kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 7 Mac 2000 bahawa kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius mengenai pembinaan jatidiri bangsa Malaysia terutama melalui media elektronik yang sentiasa berkembang di negara ini.

Menurut professor Ren Yuan dari *Beijing Broadcasting Institute*, sesebuah rancangan dokumentari TV sepatutnya menyampaikan sumber yang benar

mengenai subjek yang berkaitan seperti ekonomi, politik, budaya, sejarah dan alam semulajadi. Ia dapat memberi pengajaran dan disampaikan secara yang sistematik tetapi bukan bersifat propaganda. (*Journal of China Radio and TV*, 1995).

Oleh itu setiap penerbit mesti bijak mengimbangi antara tuntutan komersial, keperluan stesen tv dan daya kreativiti seseorang dalam menghasilkan siri dokumentari. Walaupun begitu pada asasnya, sesebuah dokumentari yang berjaya harus bermula dengan perancangan penerbitan yang baik, pemilihan subjek yang sesuai dengan keperluan masyarakat dan kehendak pemerintah, dicerminkan melalui kualiti persempahan yang bermutu serta mampu memasuki pasaran global dan memberi pulangan kewangan yang baik kepada pengusaha.

1.1 OBJEKTIF PENYELIDIKAN

- i. Menghuraikan amalan-amalan dalam penerbitan sesebuah rancangan dokumentari televisyen terutama amalan yang berkaitan perhubungan dan pengurusan, editorial, produksi dan pos produksi serta pemasaran.
- ii. Mengenalpasti elemen-elemen penting yang diperlukan bagi menghasilkan sebuah dokumentari televisyen yang baik.

- iii. Mengkaji masalah-masalah dalam penerbitan sesebuah dokumentari televisyen dan mencari jalan meningkatkan kualiti persembahan dokumentari televisyen.
- iv. Mengenalpasti masalah dan memberi cadangan kepada penerbit supaya dapat dipertingkatkan mutu penerbitan rancangan dokumentari sesuai dengan keperluan dan kehendak pasaran tempatan dan luar negara.

1.2 PENYELIDIKAAN SEBELUM INI

Penyelidikan adalah satu usaha yang berterusan. Ia bertujuan mendapatkan maklumat, pengetahuan dan pengalaman baru bagi menambah khazanah ilmu untuk khalayak masyarakat yang sentiasa berkembang. Banyak kajian telah dilakukan mengenai penerbitan dokumentari televisyen di negara ini. Antaranya oleh *Ku Syairi Ahmad, 1998/1999* yang membuat kajian mengenai rancangan dokumentari yang dihasilkan oleh stesyen swasta bertajuk *Produksi Dokumentari TV3*. Kajian berkenaan menumpukan kepada *trend* penerbitan siri rancangan dokumentari di TV3.

Antaranya beliau berpendapat terdapat pelbagai tema dan persoalan yang dipilih oleh TV3 di dalam penerbitan siri dokumentari mereka. Antaranya

tema alam semulajadi melalui dokumentari *Warna-Warna Malaysia*. Melalui dokumentari ini, ia berjaya mempromosi keindahan alam semulajadi Malaysia sebagai satu sumber komersial dalam usaha menggalakkan aktiviti melancong di dalam negara sendiri.

Paparan dokumentari ini cukup menarik dan dapat menyemai rasa cinta masyarakat terhadap alam semulajadi seperti tumbuh-tumbuhan tropika, sungai, pantai dan pulau-pulau di perairan negara Malaysia.

TV3 juga menghasilkan dokumentari yang memaparkan kisah kehidupan masyarakat seperti siri *Asian Wedding*. Menurut beliau melalui siri ini, masyarakat dapat mengenali budaya bangsa lain dengan lebih mendalam dan ia sekaligus meningkatkan rasa hormat menghormati mengenai adat budaya masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Selain itu, menurut kajian beliau lagi, TV3 juga menghasilkan sebuah dokumentari yang mendapat sambutan masyarakat iaitu *Jejak Rasul*. Dokumentari tersebut berkisar mengenai kembara menyelidiki sejarah Islam di pelbagai negara di seluruh dunia. Siri *Jejak Rasul* ditayangkan pada setiap hari sepanjang bulan Ramadhan.

Ia memaparkan sejarah keagungan tamadun Islam dan menjelaki tinggalan sejarah silam yang mempunyai kaitan dengan perkembangan Islam di sesuatu kawasan. Siri *Jejak Rasul* mempunyai tarikannya sendiri dan diiktiraf sebagai dokumentari terbaik di negara ini sejak 1997 yang lalu.

Pengkaji juga menyelidiki metologi pembikinan sesebuah dokumentari di TV3. Beliau membahagikan susunan kerja yang digunakan oleh bahagian dokumentari TV3 kepada 3 tahap utama iaitu;

- a. pra-produksi
- b. Produksi
- c. Pasca- produksi

Rangka kerja ini membantu penerbit menyiapkan dokumentari berkenaan mengikut *treatment* yang telah dipersetujui. Langkah seterusnya salinan episod berkenaan akan dihantar ke lembaga penapisan filem TV3 untuk tapisan dan penilaian akhir sebelum ditayangkan. Segala komentar dan cadangan lembaga ini akan diteliti sebelum penerbit membuat penyuntingan semula segmen-segmen yang telah ditapis oleh bahagian kawalan mutu TV3.

TV3 mempunyai dasar yang ketat dalam mengawal mutu produk yang mereka hasilkan. Oleh itu para penerbit dan seluruh pasukan kerja produksi

sangat komited dan bersungguh-sungguh apabila diberi amanah dan tanggungjawab memikul tugas menerbitkan rancangan-rancangan dokumentari televisyen untuk tayangan TV3.

Sementara Azman Ridwan Abdullah, 1999/2000 pula membuat kajian mengenai filem dokumentari Melayu bertajuk *Filem Dokumentari Melayu: Satu Analisis Terhadap Bentuk, Konsep dan Perkembangan*. Dalam kajian tersebut, beliau berpendapat penerbitan dokumentari di negara ini secara kuantitatifnya merosot dari tahun 1970-an hingga 1990-an.

Pada tahun-tahun 60-an, pengeluaran dokumentari di negara ini mencapai kemuncaknya dengan penghasilan begitu banyak siri-siri dokumentari yang bertujuan mendidik rakyat dan menanamkan semangat cintakan negara sendiri. Tema yang diberi penekanan dalam penerbitan siri dokumentari ketika itu lebih berkisar mengenai pembangunan di dalam negara dan usaha-usaha menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum.

Menurut pengkaji lagi, walaupun jumlah rancangan dokumentari berkurangan pada tahun 90-an tetapi ia menunjukkan peningkatan dari segi kualiti persembahan sesebuah dokumentari. Para penerbit samaada swasta mahupun kerajaan berusaha mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi bagi menerbitkan sesebuah dokumentari. Keadaan ini berlaku kerana saingan

daripada rancangan televisyen yang berbentuk fiksyen seperti drama, rancangan hiburan dan sitcom.

Pengkaji juga mencadangkan supaya usaha yang lebih menyeluruh dilakukan untuk memajukan penerbitan rancangan dokumentari di negara kita. Ini termasuk menyuntik idea baru, menyediakan peruntukan kewangan yang lebih besar dan membuat perancangan yang lebih menyeluruh untuk menghasilkan rancangan dokumentari pada masa hadapan. Ia merangkumi kerja-kerja penyelidikan, skrip, produksi dan juga pemasaran rancangan dokumentari berkenaan. Jika hasilnya baik tetapi tidak disusuli dengan promosi dan pengedaran yang cekap, dokumentari berkenaan tidak akan mendapat sambutan daripada masyarakat.

Sesungguhnya kajian-kajian berkenaan memberi gambaran yang lebih luas mengenai usaha-usaha mendokumentasikan pelbagai dokumentari di negara ini.

Kajian ini akan meneruskan usaha-usaha penyelidikan mengenai amalan penerbitan dokumentari di stesyen televisyen milik kerajaan dengan memberi tumpuan kepada siri '*Salam Nusantara*'.

1.3 MASALAH PENYELIDIKAN

Penyelidikan yang baik memerlukan penumpuan yang berterusan daripada penyelidik. Dalam hal ini, penyelidik membuat penyelidikan suatu bidang yang mempunyai kaitan secara langsung dengan tugas yang sedang dilaksanakan, situasi ini kadang kala mengganggu tugas-tugas penyelidikan.

Jangka waktu yang dirancang untuk membuat penyelidikan ini pula perlu dikorbankan untuk membolehkan penyelidik menyiapkan tugas semasa sebagai penerbit yang perlu bergerak membuat penggambaran siri-siri dokumentari berkenaan. Pada waktu penyelidik menyiapkan kajian ini, dia telah diarahkan oleh RTM untuk menerbitkan siri dokumentari baru *Salam Timur Tengah* iaitu sebuah dokumentari mengenai perkembangan semasa di Arab Saudi dan Mesir.

Penyelidik terpaksa berada di luar negara lebih tiga bulan. Keadaan ini menyebabkan tumpuan penyelidik terhadap penyelidikan ini terganggu dan tertangguh beberapa lama. Namun begitu penyelidik berpendapat tugas-

tugas sebagai penerbit dan turut mengarah siri-siri dokumentari berkenaan membantu penyelidikan kajian ini. Ini kerana amalan produksi sesebuah dokumentari mempunyai cabaran tersendiri dan gaya bekerja yang sentiasa berkembang. Peluang menjelajah ke Arab Saudi dan Mesir, menguruskan pasukan penggambaran di luar negara selama tiga bulan amat berguna dan turut membantu memperkemaskan penyelidikan mengenai amalan penerbitan dokumentari ini.

Penyelidik berpendapat tugas-tugas semasa yang perlu diselesaikan sepanjang tempoh kajian ini dilakukan, membolehkan penyelidik mendalami kaedah dan gaya pengarahan dokumentari yang sentiasa berkembang terutama dalam penggunaan peralatan moden seperti kamera digital yang ringan dan mudah digunakan terutama melibatkan ruang yang kurang cahaya di mana jika menggunakan kamera *betacam*, biasanya memerlukan masa yang lebih panjang untuk memasang lampu bagi mengatasi masalah kekurangan cahaya di lokasi penggambaran.

Situasi ini telah menyebabkan penyelidik terpaksa membahagikan masa dan mengambil waktu yang lebih panjang untuk menyiapkan penyelidikan ini.

**PENERBITAN DOKUMENTARI TELEVISYEN – KAJIAN
KES TERHADAP SIRI SALAM NUSANTARA DI TV1**

**PENERBITAN DOKUMENTARI TELEVISYEN – KAJIAN
KES TERHADAP SIRI SALAM NUSANTARA DI TV1**

**DISEDIAKAN OLEH
ABU HASSAN BIN MORAD
AGA 97005**

**KAJIAN PENYELIDIKAN INI ADALAH UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT IJAZAH SARJANA
SASTERA DAN SAINS SOSIAL**

**JABATAN PENGAJIAN MEDIA
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
SESI 2000/2001**

PENGESAHAN

Dengan ini diperakukan bahawa Abu Hassan bin Morad telah menyempurnakan Projek Penyelidikan untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Sastera dan Sains Sosial di Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.

.....
Dr. Azizah Haji Hamzah
Ketua Jabatan Pengajian Media
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Tarikh :
Catatan :

.....
Prof. Madya Dr. Md Sidin Ahmad Ishak
Penyelia Projek Penyelidikan

Tarikh:
Catatan

PENGAKUAN

Adalah saya **Abu Hassan bin Morad** mengaku bahawa kajian ini adalah asli, hasil penyelidikan dan penelitian saya berkaitan dengan tajuk berkenaan serta petikan-petikan yang setiap satunya telah dijelaskan sumber-sumbernya.

.....
Nama : Abu Hassan bin Morad
Alamat : 163 A, Jalan Aminuddin Bakri
Taman Tun Dr. Ismail
60000 Kuala Lumpur

Tarikh :

ABSTRAK

Penerbitan dokumentari televisyen di negara kita sedang berkembang dengan pesat terutama kerana adanya permintaan daripada stesen-stesen tv tempatan yang disyaratkan supaya menyiaran hasil-hasil penerbitan syarikat produksi tempatan. Kajian ini bertujuan untuk memahami proses pengeluaran sesuatu rancangan televisyen yang berbentuk dokumentari. Kajian ini berfokus pada siri Salam Nusantara iaitu rancangan berbentuk dokumentari yang meninjau mengenai perkembangan masyarakat Islam di negara-negara Asia Tenggara. Kaedah kajian ini adalah melalui kaedah penyertaan, temubual dan analisa kandungan. Penyertaan penyelidik sebagai krew penggambaran memantapkan lagi penyelidikan mengenai penerbitan dokumentari televisyen Salam Nusantara. Kajian ini menumpukan kepada amalan penerbitan Salam Nusantara di dalam pengurusan dan perhubungan, editorial, produksi dan pos produksi serta pemasaran. Hasil kajian ini mendapat kejayaan amalan penerbitan banyak bergantung kepada kerja berpasukan yang diamalkan oleh syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. Proses penerbitan dokumentari Salam Nusantara bermula daripada kerja-kerja penyelidikan bagi menyediakan kertas proposal, mendapatkan kelulusan, membina jalan cerita, melakukan penggambaran di lokasi, proses pos produksi di studio dan pemasaran susulan selepas siaran di TV 1. Kesimpulannya kajian ini membuktikan pengurusan penerbitan yang baik membolehkan syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. terus diberi kepercayaan oleh RTM untuk menerbitkan siri dokumentari Salam Nusantara dengan mengadakan penggambaran di negara Kemboja, Thailand, Singapura, Indonesia, Brunei Darussalam dan Myanmar.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana saya dapat menyempurnakan penulisan ini walaupun terikat dengan pelbagai tugas harian lain.

Saya berterima kasih kepada Dr. Azizah Hj. Hamzah yang telah banyak memberi dorongan dan semangat untuk membolehkan saya meneruskan penyelidikan dan kajian tajuk berkenaan. Kepada Dr. Md Sidin, kalungan penghargaan di atas buah fikiran, pandangan dan teguran yang sangat berharga kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan penyelidikan ini.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada kawan rakan terutama Staf Galeri Ilmu Sdn. Bhd., kakitangan Jabatan Pengajian Media, Pengarah dan Penerbit siri Salam Nusantara keluaran Anugerah Media Network Sdn. Bhd. , Encik Yusuf Rashid, pengawal TV 1 RTM, Cik Kalsom Md. Yatim, bahagian bekalan dan rancangan swasta RTM serta kakitangan syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. yang banyak membantu bagi menyempurnakan penyelidikan dan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada isteri dan anak-anak yang memahami tugas harian saya dan sentiasa memberi dorongan kepada saya sepanjang karier saya di dalam bidang penerbitan media ini. Sesungguhnya perjuangan baru bermula dan masih banyak yang perlu dilakukan untuk

menjadikan bidang media suatu alat untuk mendidik masyarakat kearah kehidupan yang berjaya dan bertamadun.

Penyelidikan ini merupakan satu usaha mendokumentasikan proses kerja sebuah produksi yang melibatkan pelbagai pihak di luar negara. Mudah-mudahan kajian ini membantu kita memahami tugas dan proses kerja dalam penerbitan rancangan dokumentari Salam Nusantara.

Sesungguhnya apa yang dihasilkan ini diharap dinilai oleh Allah sebagai alam ibadah dan mendapat keberkatan di akhirat kelak.

Abu Hassan Morad
163 A, Jalan Aminuddin Baki
Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur

KANDUNGAN

Halaman Tajuk	iii
Halaman Pengesahan	iv
Halaman Pengakuan	v
Abstrak	vi
Penghargaan	vii
Kandungan	ix

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Objektif Penyelidikan	6
1.2 Penyelidikan Sebelum ini	7
1.3 Masalah Penyelidikan	12
1.4 Skop dan Bidang Penyelidikan	14
1.4.1 Amalan Pengurusan dan Perhubungan	14
1.4.2 Amalan Editorial	14
1.4.3 Amalan Produksi dan Pos Produksi	15
1.4.4 Amalan Pemasaran	16

1.5 Kaedah Penyelidikan	16
1.5.1 Kaedah Penyertaan	17
1.5.2 Kaedah Temubual	17
1.5.3 Kaedah Analisis Kandungan	20
1.6 Susunan Penulisan	21

BAB KEDUA

PERKEMBANGAN PENERBITAN DOKUMENTARI

2.0 Pengertian Dokumentari	23
2.1 Sejarah Awal Penerbitan Dokumentari	25
2.2 Penerbitan Rancangan Dokumentari	
Di Malaysia	
2.2.1 Pengenalan	36
2.2.2 Televisyen Malaysia	38
2.2.4 Filem Negara Malaysia	40

BAB TIGA

SYARIKAT ANUGERAH MEDIA NETWORK

DAN SALAM NUSANTARA TV 1

3.0 Anugerah Media Network Sdn. Bhd.	52
3.2 Dokumentari Salam Nusantara	56

3.2.1 Objektif	57
3.2.2 Sinopsis	58
3.2.3 Rangka skrip	59

BAB EMPAT

AMALAN PENERBITAN DOKUMENTARI

SALAM NUSANTARA

4.0 Pengenalan	64
4.1 Pengurusan dan Perhubungan	
4.1.1 Menyediakan Kertas Proposal	66
4.1.2 Mendapatkan Surat Niat, Surat tawaran dan Surat Pesanan	68
4.1.3 Menguruskan Belanjawan Produksi	70
4.1.4 Mendapatkan Kebenaran menjalankan Produksi	72
4.2 Editorial	
4.2.1 Membuat Penyelidikan Awal	74
4.2.2 Membina Kerangka atau Jalan Cerita	75
4.2.3 Mengumpul Bahan	75
4.2.4 Penulisan Skrip	76
4.3 Produksi dan Pos Produksi	
4.3.1 Membuat Recce	78

4.3.2 Penyediaan Peralatan	80
4.3.3 Menentukan Krew Penggambaran	80
4.3.4 Menyediakan jadual Penggambaran	83
4.3.5 Membuat Penggambaran	84
4.3.6 Pos Produksi	89
4.4 Amalan Pemasaran	
4.4.1 Perkhidmatan Susulan	94
4.4.2 Mendapatkan Penajaan Produksi	96
4.4.3 Mendapatkan Penajaan Hadiah Kuiz	97
4.4.4 Pemasaran Susulan Selepas Siaran	98
BAB LIMA	
RUMUSAN	
5.0 Pengenalan	100
5.1 Kekuatan	
5.1.1 Amalan Pengurusan dan Perhubungan	100
5.1.2 Amalan Editorial	103
5.1.3 Amalan Produksi	104
5.1.4 Amalan Pemasaran	105
5.2 Kelemahan	
5.2.1 Amalan Pengurusan dan Perhubungan	107
5.2.2 Amalan Editorial	108

5.2.3 Amalan Produksi dan Pos Produksi	109
5.3 Saranan	111
5.4 Kesimpulan	114
BIBLIOGRAFI	116
LAMPIRAN	118